

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI RABU, 19 NOVEMBER 2025, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN -**

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)
SOALAN 1 (A128)**

Apakah pelan dan perancangan Kerajaan Negeri Johor untuk memastikan tanah perkuburan Islam dikawasan bandar kekal mencukupi selaras dengan pertambahan penduduk dan pembangunan pesat negeri Johor?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 2 (A74)**

Apakah kerajaan negeri memastikan pembangunan pesat di Kota Iskandar tidak hanya tertumpu kepada nilai komersial dan pelaburan sahaja, tetapi menetapkan satu kawasan tanah perkuburan Islam yang kini semakin berkurangan? Contoh diwujudkan dikawasan milik Iskandar Investment Berhad.

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 3 (A193)**

Apakah cadangan kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah kepadatan pesakit di Hospital Kota Tinggi serta infrastruktur dan fasiliti yang kian usang memandangkan jumlah penduduk juga bertambah.

**YB PUAN HAJAH RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 4 (A31)**

Nyatakan bilangan TASKA yang berdaftar dan bilangan yang tidak berdaftar dengan JKM dan apakah tindakan bagi yang tidak atau enggan mendaftar?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 5 (A52)

Apakah persediaan awal Johor dalam SUKMA 2026 bagi memastikan para atlet boleh mencapai prestasi yang cemerlang?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 6 (A55)

Apakah sasaran prestasi dan pingat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi SUKMA 2026, serta bagaimana peruntukan RM5 juta bagi pembangunan 1,500 atlet ini diagihkan bagi memastikan Johor mencapai sasaran tersebut?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN 7 (A83)

Apakah tindakan penguatkuasaan yang telah dan sedang dilaksanakan terhadap premis perniagaan yang dimiliki atau dikendalikan oleh warga asing tanpa kebenaran yang sah?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN 8 (A99)

Apakah status terkini projek Loji Rawatan Air baharu yang dirancang di Johor serta bagaimana kerajaan negeri menjamin bekalan air bersih mencukupi sehingga tahun 2030?

YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 9 (A145)

Apakah inisiatif kerajaan negeri melalui jabatan dan agensi di bawah sektor pertanian untuk memperluas program agro-pelancongan di kawasan luar bandar?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 10 (A66)

Apakah usaha dan strategi Kerajaan Negeri Johor dalam memperkukuh serta memperluas sektor agropelancongan bagi menjadikan pertanian sebagai tarikan pelancongan utama negeri menjelang Tahun Melawat Johor 2026, termasuk inisiatif meningkatkan penyertaan komuniti dan produk agrotempatan berdaya saing?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)

SOALAN 11 (A131)

Apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memastikan warga emas tidak tercicir daripada arus pembangunan semasa dan cadangan untuk memperluas program sokongan warga emas ke kawasan luar bandar?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 12 (A170)

Nyatakan usaha kerajaan dalam menetapkan polisi mesra warga emas atau rancangan bekerjasama dengan pihak swasta dan awam dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada warga emas yang masih layak bekerja supaya mereka boleh terus berkhidmat dan meyumbang untuk ekonomi tempatan.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)

SOALAN 13 (A207)

Adakah kerajaan mempunyai modul kursus atau latihan di dalam bidang penjagaan warga emas dan adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan satu modul kursus atau latihan dalam bidang ini, sekaligus dapat mencipta ruang kemahiran dan peluang pekerjaan?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)

SOALAN 14 (A208)

Apakah langkah kerajaan di dalam membantu golongan warga emas yang masih produktif untuk mereka mudah mendapat peluang pekerjaan bagi menjana ekonomi diri dan keluarga untuk kelangsungan hidup?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 15 (A114)

Berapa banyakkah keperluan rakyat untuk rumah mampu milik Johor. Apakah strategi tambahan kerajaan (jika ada) dalam memenuhi permintaan rakyat terhadap rumah mampu milik ini?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 16 (A65)

Bilakah klinik kesihatan Parit Yaani dijangka menerima ambulans baharu memandangkan keperluan perkhidmatan kecemasan semakin meningkat di kawasan tersebut?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 17 (A68)

Apakah status perancangan serta pelaksanaan baik pulih klinik Desa Kampung Bindu dan Klinik Desa Kampung Baru Mukim 7 yang memerlukan penambahbaikan bagi keselesaan pesakit.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 18 (A60)

Apakah strategi yang telah dilaksanakan pada masa kini dan perancangan pada masa hadapan dalam memperkasakan Sektor Industri Asas Tani (IAT) dan pembangunan produk makanan di Negeri Johor?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)

SOALAN 19 (A77)

Ramai pengusaha tempatan mengeluarkan pelbagai produk industri asas tani seperti kerepek pisang, ubi, cakar ayam, kerepek nangka, krim durian dan sebagainya. Apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan bagi menggalakkan lebih ramai pengusaha meningkatkan pengeluaran produk tempatan?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 20 (A51)

Apakah hasil dapatan daripada syor-syor dan penambahbaikan serta penambahbaikan atau tindakan susulan yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas Penyuraian Trafik Johor Bahru pada tahun 2025?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN 21 (A192)

Tular baru-baru ini berkenaan reka bentuk baru Menara Jam Daerah Kota Tinggi yang menjadi simbol kebanggaan penduduk daerah, adakah terdapat cadangan membina semula menara tersebut dengan reka bentuk yang mengekalkan elemen warisan Johor?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 22 (A49)

Bincangkan dan huraikan kategori-kategori kenaikan tarif air di Johor?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 23 (A211)

Apakah usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan kualiti kehidupan Orang Asli di Johor, terutamanya dari segi kebersihan, kesihatan dan pendidikan?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN 24 (A183)

Berdasarkan statistik Jabatan Pertanian, hanya 28% sahaja Usahawan Tani dan Usahawan IAT yang terdiri daripada golongan belia. Apakah strategi Kerajaan Negeri Johor untuk meningkatkan bilangan belia di dalam sektor pertanian ini?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN 25 (A104)

Apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membantu usahawan-usahawan dalam Program Geran Usahawan Maju Johor yang kali terakhir disalurkan pada tahun 2024? Berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan untuk usahawan-usahawan dalam DUN Tiram bagi tahun 2025 secara terperinci?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 26 (A40)

Adakah kerajaan negeri bekerjasama dengan agensi seperti MARA, HRD Corp dan Kolej Komuniti untuk menyelaras TVET di bawah Majlis Pembangunan Bakat Johor (JTDC)?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN 27 (A88)

Bagaimana Johor Talent Development Council (JTDC) bekerjasama dengan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah untuk membantu pelajar mengenal pasti potensi dan minat kerjaya mereka, sekali gus menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran ke bidang yang sesuai?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN 28 (A89)

Apakah impak sosioekonomi yang dijangka hasil daripada kewujudan Johor Skills di Kulai-Kota Tinggi dan Pasir Gudang, terutamanya dari segi pengurangan pengangguran belia dan peningkatan pendapatan isi rumah di kawasan tersebut?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 29 (A139)

Minta dinyatakan sama ada kerajaan negeri bercadang untuk menyatukan atau menyelaras institusi yang menawarkan program TVET di bawah satu bumbung agensi sahaja bagi pemerksaan yang lebih berfokus.

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN 30 (A122)

Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor untuk membaikpulih dan menaiktaraf kemudahan sukan seperti gelanggang Futsal dan membina gelanggang Pickleball yang sedang popular di dalam Negeri Johor?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN 31 (A94)

Bagaimanakah kerajaan negeri akan memperkasa dan memberi insentif kepada komuniti tempatan untuk membangun dan menjalankan homestay, bengkel budaya, dan program pelancongan agro yang berjaya serta memberikan pengalaman autentik?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)

SOALAN 32 (A171)

Berapakah jumlah terkini kes disiplin seperti buli, ugut, gangguan seksual di sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah agama dalam negeri Johor? Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini dan mengembalikan kuasa kepada guru disiplin dan guru besar untuk memberi hukuman?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 33 (A210)

Isu penggunaan gajet serta peranti elektronik di kalangan pelajar memberi kesan negatif seperti ketagihan gajet, gejala buli dan melayari Internet secara tidak wajar. Apakah langkah kerajaan di dalam membendung anasir negatif penggunaan peranti elektronik terhadap pelajar sekolah?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN 34 (A186)

Apakah masalah, isu dan kekangan utama yang menyebabkan kekurangan Doktor pakar di Hospital Segamat secara tetap selain kehadiran doktor pakar yang hadir secara berjadual?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 35 (A180)

Adakah Perbadanan Awam Johor (PAJ) mempunyai perancangan bagi melebar luaskan perkhidmatan pengangkutannya kepada anak-anak sekolah Johor?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 36 (A115)

Pencemaran bau busuk dari pengoperasian ladang ternakan ayam di kawasan Sengkang, Bukit Gambir telah berlanjutan walaupun usaha diplomasi dan perbincangan telah dibuat beberapa kali. Apakah usaha tegas kerajaan dalam menangani masalah ini.

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN 37 (A11)

Apakah ada perancangan kerajaan negeri bagi menyediakan perkhidmatan ETS (Electric Train Services) dalam pelan induk Pengangkutan Johor 2021-2045 melalui pantai barat dari Bandar Johor Bahru-Pontian-Batu Pahat-Muar ke Negeri Melaka.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 38 (A155)

Adakah jajaran akhir bagi Projek Transit Pantas Autonomi Bertingkat (E-ART) telah dimuktamadkan? Sila nyatakan butiran jajaran tersebut dan status terkini.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 39 (A72)

Memandangkan Gelang Patah sebahagian kawasan strategik JS-SEZ, apakah pelan jangka panjang kerajaan negeri melalui PBT memastikan pengangkutan awam, sistem saliran, jalan raya serta utiliti lain sedia menampung pertumbuhan pesat pelaburan?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 40 (A137)

Minta dinyatakan apakah langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan negeri dan agensi berkaitan bagi menambah baik pintu masuk ke Johor seperti CIQ BSI, CIQ KSAB dan Lapangan Terbang Senai untuk meningkatkan kecekapan, kelancaran serta mengurangkan masa menunggu dan kesesakan pelancong?

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 41 (A199)

Mohon kerajaan negeri memperincikan kriteria yang digunakan oleh kerajaan negeri dalam menentukan kawasan perumahan yang layak untuk kerja-kerja penurapan semula jalan, terutamanya bagi kawasan perumahan lama seperti di Taman Daya, Taman Puteri Wangsa, Taman Setia Indah dan Taman Mount Austin?

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 42 (A10)

Negeri Johor telah dikejutkan dengan beberapa siri gegaran gempa bumi malahan banjir telah menjadi fenomena biasa di negeri ini. Apakah dapatan dari kajian terperinci punca gegaran dan tindakan pencegahan awal spekulasi tenggelamnya daerah di Johor menjelang tahun 2050?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 43 (A62)

Kegiatan penyeludupan rentas sempadan, khususnya melalui jalan laut melibatkan barangan seperti rokok, arak dan dadah merupakan kegiatan jenayah yang perlu dibanteras. Justeru, mohon nyatakan statistik penyeludupan yang berlaku dalam DUN Sungai Balang dan bilangan tangkapan yang telah berjaya dibuat.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 44 (A71)

Apakah status rundingan bersama Kerajaan Singapura mengenai aspek logistik, tenaga kerja dan infra struktur laluan tambahan Johor-Singapura?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 45 (A160)

Perancangan pembangunan sesebuah kawasan perlulah diketahui oleh penduduk setempat. Bolehkah Mengkibol mencadangkan satu Dashboard khas perancangan pembangunan yang sedang dalam permohonan yang boleh diakses oleh umum bagi memantau status permohonan?

YB PUAN HAJAH RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 46 (A34)

Dalam usaha menjadikan Johor negeri Sifar Kemiskinan, apakah pelan jangka masa panjang yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensinya kerajaan bagi menoktahkan miskin tegar di kalangan rakyat Johor.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 47 (A98)

Berapakah jumlah keseluruhan inisiatif one-off yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Johor sepanjang tahun 2025, termasuk bentuk bantuan dan kumpulan sasaran yang terlibat, serta adakah kerajaan negeri berhasrat untuk meneruskan atau menambah baik inisiatif-inisiatif tersebut dalam Belanjawan Johor 2026?

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 48 (A197)

Terdapat sebanyak 222 projek pembangunan bernilai RM10.8 billion yang masih belum terlaksana sejak tahun 2016. Mohon kerajaan negeri menjelaskan langkah intervensi untuk memastikan projek-projek ini dapat dijalankan bagi kebaikan rakyat negeri Johor.

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 49 (A181)

Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengangkat kawasan pelancongan di DUN-DUN sebagai program sokongan kepada Tahun Melawat Johor 2026?

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 50 (A198)

Mohon kerajaan negeri menjelaskan apakah aktiviti-aktiviti promosi yang telah dijalankan bagi mempromosikan Tahun Melawat Johor 2026 serta kos yang terlibat dalam aktiviti promosi ini.

YB TUAN SYED HUSSIEN BIN SYED ABDULLAH (MAHKOTA)
SOALAN 51 (A201)

Apakah usaha yang dijalankan oleh kerajaan negeri untuk memastikan daerah-daerah seperti Kluang khususnya Kawasan Mahkota turut mendapat manfaat secara langsung daripada pelaksanaan Tahun Melawat Johor 2026?

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Khamis, 20 November 2025, jam 9:30 pagi.